

Ekonomi

TSI laksana projek RM1b menjelang akhir 2005

Oleh AMRAN AHMAD

KUALA LUMPUR 19 Sept. – TSI Holdings Sdn. Bhd. (TSI) yang baru empat tahun memasuki industri hartanah, akan melaksanakan sembilan projek pembangunan bernilai sekitar RM1 bilion menjelang akhir tahun depan.

Pengarah Urusan Kumpulan TSI, Lim Seng Kok berkata, hasil jualan daripada projek-projek berkenaan akan digunakan untuk membina lebih banyak projek hartanah di masa hadapan.

“Kebanyakan projek TSI terletak di sekitar Lembah Klang terutama berdekatan ibu negara dan Kuantan, Pahang,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, baru-baru ini.

Katanya, dalam masa terdekat, TSI

akan melancarkan projek terbaru, D’Alamanda yang melibatkan pembangunan 710 buah kondominium dan 80 buah kedai dalam bangunan yang sama, setinggi 22 tingkat di Cheras.

Beliau berkata, pelancaran D’Alamanda, yang akan ditawarkan jualan daripada harga RM129,000 pada bulan depan, dijangka mendapat sambutan menggalakkan berdasarkan prestasi dua buah produk TSI terdahulu di kawasan yang sama.

Katanya, D’Alamanda, yang berharga RM170 juta akan siap pada penghujung tahun 2007.

Lim berkata, selepas pelancaran D’Alamanda, pihaknya akan terus membangunkan projek-projek hartanah lain antaranya dua buah menara kediaman di Jalan Ampang, di sini yang mengandungi 270 buah pangsa-

puri khidmat.

Pada masa yang sama, beliau berkata, TSI akan turut membangunkan projek hartanah yang merupakan fasa pertama projek pangsapuri kos sederhana di kawasan Kepong.

Mengenai cadangan konsep bina dahulu, baru jual, Lim mengalu-alukan langkah itu kerana ia akan membantu industri hartanah dalam jangka masa panjang.

“Sekiranya konsep itu dilaksanakan, pemaju tidak boleh berkompromi mengenai aspek kualiti hartanah yang dibangunkan dan para pembeli berpeluang memiliki kediaman pada tahap kualiti yang tinggi.

“TSI sendiri akan melaksanakan pembangunan projek rumah teras tiga tingkat di Batu 9, Cheras menggunakan pakai konsep itu,” tambah Lim.



LIM SENG KOK